

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA KOTA
BHARU (KWSPKB) NEGERI KELANTAN

OLEH

ROSLIZA BINTI MOHAMAD
Sarjana Muda Pengurusan (Polisi Dan Sokutan Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
JABATAN ENKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

1100039832

LI 74 FPE 1 2005



1100039832

Laporan akhir Latihan Industri di Kumpulan Wang Simpanan
Pekerja, Kota Bharu / Rosliza Mohamad.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100039832	

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

114
115
116
265K

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA KOTA
BHARU (KWSPKB) NEGERI KELANTAN**

OLEH :

**ROSLIZA BINTI MOHAMAD
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**


2005

1100039832

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Rosliza Binti Mohamad (UK 8170)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Rosliza Binti Mohamad

No. Matrik : UK 8170

Tarikh : 13 Oktober 2005

Disahkan Oleh:



**Dr. Asyraf Bin Haji Abdul Rahman
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM**

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kehadrat-Ilahi dan salam junjungan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) serta keluarganya. Dengan rasa syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan keizinan-Nya dapat juga saya menyiapkan penulisan Laporan Akhir Latihan Industri ini.

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia kerana memberi peluang kepada saya menjalani program Latihan Industri di KWSP Kota Bharu. Ucapan terima kasih kepada pihak KWSP Kota Bharu terutama sekali Encik Aznul Hisyam Bin Mohamad Isa selaku Penyelia Industri dan semua kakitangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa saya menjalani Latihan Industri di sana.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Penyelia KUSTEM iaitu Dr. Asyraf Bin Haji Abdul Rahman. Kerjasama dan bimbingan yang beliau berikan dalam menyiapkan penulisan Laporan Akhir Latihan Industri ini tidak akan saya lupakan.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak membantu dan memberi semangat kepada saya. Segala jasa yang dicurahkan amatlah dihargai. Diharapkan agar penulisan laporan ini dapat memberi manfaat dan panduan kepada semua. Sekian, terima kasih.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Kursus Latihan Industri yang ditawarkan oleh pihak universiti adalah satu pendekatan untuk memastikan pelajar memperolehi pengalaman dan mempraktikkan teori-teori yang dipelajari semasa di bilik kuliah agar dapat diaplikasikan ke alam pekerjaan. Kursus Latihan Industri yang ditawarkan oleh Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) ini telah mewajibkan pelajar dari Program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial, Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Latihan Industri yang dijalankan adalah selama 12 minggu iaitu dari 20 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005.

Tujuan utama Latihan Industri ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar agar dapat menimba ilmu pengetahuan dan pengalaman. Selain daripada mengasah kecekapan dan kemahiran teori yang dipelajari di dalam bilik kuliah, melalui latihan praktikum ini juga membolehkan pelajar mempraktikkan teori-teori yang dipelajari dengan kerja-kerja yang praktikal semasa menjalani Latihan Industri ini.

Latihan Industri dijalankan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Kota Bharu, Kelantan (KWSPKB). Dalam tempoh menjalani Latihan Industri di KWSPKB, pelatih telah didedahkan dengan suasana kerja yang sebenar. Selain itu, pelatih juga turut didedahkan dengan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan organisasi. Manakala, kemahiran yang dapat dipelajari oleh pelatih semasa berada di sana pula adalah kemahiran berkomunikasi dengan pegawai-pegawai atasan, staf-staf dan para pelanggan. Pelatih juga diberi peluang untuk mengadakan sesuatu program untuk meningkatkan pengetahuan para pekerja di KWSPKB iaitu antaranya adalah program keselamatan dan kesihatan pekerja dan program pengaplikasian komputer.

Semasa pelatih menjalani latihan di KWSPKB, pelatih telah berjaya mengenalpasti sistem-sistem yang sedia ada dan masalah-masalah yang wujud di KWSPKB. Selain itu, pelatih turut menyatakan cadangan untuk menyelesaikan masalah yang timbul dan mengupas dengan lebih lanjut lagi cadangan yang dinyatakan dengan membuat analisa terhadap punca masalah dan implikasi terhadap cadangan yang diberikan.

Pelatih telah membuat analisis terhadap semua punca masalah dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut di dalam bahagian analisis dan implikasi cadangan. Secara kesimpulannya, pelatih telah berjaya membawa pulang pengalaman alam pekerjaan yang sebenar dan serba sedikit pengetahuan mengenai selok belok pengurusan pentadbiran di KWSPKB.